

## ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) 1993 DAN 2015 NEGERI KELANTAN: ANALISIS PELAKSANAAN

### *An Analysis of the Implementation of Shariah Criminal Offences (II) 1993 and 2015, State of Kelantan*

Nur Al-Farhain Binti Kamaruzaman<sup>1a\*</sup> & Nur Aina Abdulah<sup>2b</sup>

<sup>a</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

E-mel: [farhain@usim.edu.my](mailto:farhain@usim.edu.my)

<sup>b</sup>Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia

E-mel: [nuraina.abdulah@usim.edu.my](mailto:nuraina.abdulah@usim.edu.my)

\*Corresponding Author: [farhain@usim.edu.my](mailto:farhain@usim.edu.my)

Received: 6 August 2022

Accepted: 26 August 2022

Published: 15 September 2022

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol27no4.471>

Abstrak	Abstract
<p>Di Malaysia, usaha terawal untuk memperkenalkan undang-undang jenayah Islam secara total telah dirintis oleh Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1993 menerusi satu rang undang-undang yang dinamakan Enakmen Jenayah Syariah (II) 1993. Walaubagaimanapun, enakmen ini tidak dapat dilaksanakan kerana berhadapan dengan kekangan perundangan. Kebanyakan kajian terdahulu berkaitan enakmen ini ditumpukan pada perbincangan kekangan perundangan. Di dalam kajian ini, perbincangan akan ditumpukan kepada penilaian semula model taqin yang diperkenalkan oleh Negeri Kelantan. Justeru, objektif kajian ini adalah mengkaji latar belakang enakmen ini seterusnya menganalisis kesesuaian model ini di dalam konteks perundangan Malaysia. Metodologi yang digunakan adalah analisis dokumen dan temubual bersama Ahli Jawatankuasa Teknikal Hudud Kelantan dan Nasional. Dapatan kajian mendapati model yang dicadangkan ini terlalu sukar untuk dilaksanakan dalam konteks perundangan</p>	<p>In 1993, Kelantan State Legislative Assembly passed an enactment, Syariah Criminal Offences (II) 1993, paving way to implement Islamic Criminal offences holistically. However, due to constitutional issues, this enactment cannot be enforced. Previous research has been focused on how to overcome these constitutional issues whilst this paper will discuss and analyse the enactment proposed by the State of Kelantan itself. The objective of this paper is to study the background of the enactment and finally evaluate it's compatibility within the Malaysian legal framework. This paper employs document analysis and interview with the Technical Hudud State and National Committee members. This paper suggests that the model proposed by the State of Kelantan is difficult to implement in Malaysia. Thus, an alternative way has to be explored in order to implement Islamic criminal law in Malaysia namely using the harmonisation approach.</p>

Malaysia. Selain itu, kajian ini mencadangkan agar alternatif lain digunakan bagi memperkenalkan undang-undang jenayah Islam iaitu melalui proses harmonisasi undang-undang.

**Kata kunci:** hudud-Kelantan-EKJS

**Keywords:** Hudud-Kelantan-Syariah  
Criminal Offences

## 1. PENDAHULUAN

Undang-undang jenayah Islam adalah undang-undang yang dipinggirkan di kebanyakan negara Islam apabila masuknya imperialis Barat. Walaubagaimanapun, bermula era 1970-an, apabila negara-negara Islam telah mencapai kemerdekaan, gerakan Islamisasi di negara-negara ini mula berperanan ke arah menegakkan kembali sistem bersumberkan Syariah termasuklah memperkenalkan semula undang-undang jenayah Islam (Reza, 2013; Sidahmed, 2001). Sebagai contoh, undang-undang jenayah Islam mula diperkenalkan di Libya pada tahun 1969, tahun 1979 di Pakistan, selepas kemenangan Revolusi Islam Iran di Iran dan di Sudan selepas Al-Nimeri berkuasa (Fluehr-Lobban, 1990; Hossein Nayyeri, 2012; Jamal Shah, 2012; Martin Lau, 2014; Mayer, 1990)

Dalam konteks Malaysia, antara usaha terawal memperkenalkan undang-undang jenayah Islam adalah pada tahun 1993, iaitu selepas kemenangan besar koalisi politik Angkatan Perpaduan Ummah (APU) mengalahkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) di Kelantan dalam Pilihan Raya Umum ke-lapan (Kamali, 1995, 1998; Lindsey & Steiner, 2016; Salleh, 1999). Usaha memartabatkan perundangan syariah secara umumnya dan jenayah Islam secara khususnya merupakan salah satu manifesto yang digagaskan oleh Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada Pilihan Raya Umum kelapan pada tahun 1990. Ia juga merupakan sebahagian daripada pelan 'Membangun Bersama Islam' yang disusun oleh Kerajaan Negeri Kelantan selepas kemenangan pada pilihan raya tersebut. Pelan ini melibatkan projek-projek Islamisasi yang bukan hanya tertumpu pada perundangan jenayah semata-mata tetapi meliputi lima aspek penting iaitu tadbir urus, pelaksanaan Syariah, pendidikan, ekonomi dan sosio-kultural (Ghani, 2011).

Antara tujuan utama memperkenalkan undang-undang ini adalah bagi menunaikan kewajipan dan tanggungjawab pemerintah mendaulatkan undang-undang Islam serta mencapai keadilan dan keredhaan Allah. Ia sejajar dengan pegangan dan dasar Kerajaan Negeri Kelantan ketika itu iaitu menjadikan Islam sebagai al-deen dan dasar pemerintahan berteraskan al-

Quran dan al-Sunnah. Selain itu, undang-undang yang sedia ada dikatakan tidak mampu merawat masalah sosial yang berlaku. Malah, pengenalan undang-undang ini merupakan pengembalian hak umat Islam yang dirampas oleh penjajah (Wan Nik Wan Yussof, 2011).

Usaha memperkenalkan undang-undang jenayah ini dimulakan dengan penubuhan jawatankuasa penggubal yang dianggotai oleh pakar undang-undang dan Syariah iaitu Dato' Hj Daud bin Muhammad, Abu Bakar Abdullah Kutty, Dato' Muhamad Shukri Bin Mohamad, Prof Dr Ahmad bin Mohamed Ibrahim, Prof Dr Mahmud Saedon, dan Tun Mohamed Salleh Abbas (Azhar Bin Abdullah, 2015; Mohamed Fadzli, 2015). Secara asasnya, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang digubal oleh Jawatankuasa ini mengandungi peruntukan berkaitan tiga komponen utama di dalam undang-undang jenayah Islam iaitu hudud, qisas dan ta'zir. Ia mengandungi 72 klausa dan dibahagikan kepada 6 bahagian. Bahagian pertama mengandungi klausa berkaitan hudud iaitu kesalahan sariqah, kesalahan hirabah, kesalahan zina, kesalahan qadhaf, kesalahan minum arak (shurb) dan kesalahan riddah. Hukuman yang diperuntukkan adalah seperti yang terkandung di dalam kitab-kitab fiqh ulama' seperti dipotong anggota badan bagi kesalahan mencuri dan hirabah, sebatan, rejam, penjara dan hukuman mati. Bahagian kedua pula mengandungi kesalahan berkaitan qisas yang memperuntukkan hukuman bagi kesalahan bunuh dan berkaitan diyat. Bahagian ketiga mengandungi peruntukan berkaitan pembuktian dan keterangan. Bahagian keempat pula memperuntukkan garis panduan berkaitan kaedah sebatan dan potong anggota badan. Manakala dua bahagian terakhir, kelima dan keenam, memperuntukkan peruntukan umum berkaitan penubuhan Mahkamah Bicara Syariah Khas dan Mahkamah Rayuan Syariah Khas.

Selepas draf undang-undang ini digubal secara lengkap, usaha meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat dilakukan melalui jerayawara, ceramah dan seminar. Akhirnya, pada 25 November 1993, enakmen ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan menerima sokongan penuh daripada ahli Dewan Negeri iaitu 24 daripada PAS, 13 daripada Semangat 46, 1 daripada BERJASA dan 1 daripada HAMIM (Mohamed Fadzli, 2015; Nasran et al). Walaupun enakmen ini telah diluluskan di peringkat negeri, disebabkan tekanan politik, sosial dan perundangan, enakmen ini tidak dapat dilaksanakan (Azhar Bin Abdullah, 2015)

## 2. LATAR BELAKANG KANUN JENAYAH SYARIAH (II) [1993] 2015 NEGERI KELANTAN

Disebabkan kekangan perundangan yang wujud, Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 yang telah digubal ini terkubur hampir 20 tahun. Walaubagaimanapun, usaha bagi merealisasikan pelaksanaan ini digerakkan semula oleh Almarhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, Menteri Besar Negeri Kelantan (1990-2013). Cetusan usaha ini bermula dengan lawatan mahabbah Timbalan Perdana Menteri ketika itu (2009-2015) iaitu Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Md Yassin pada tahun 2014 ke rumah Almarhum Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. Selain itu, antara faktor tercetusnya usaha merealisasikan pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 ini adalah apabila terdapat isu-isu berkaitan dengan Hal Ehwal Islam dibangkitkan oleh sebahagian ahli Dewan Rakyat ketika perbincangan titah diraja pada Sidang Parlimen, 27 Mac 2014. Isu ini telah dijawab oleh Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Islam) (2009-2018) (Hansard Parlimen 2014). Dalam sidang Parlimen tersebut, Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom menyebut,

*"Dalam kesempatan ini saya ingin memberikan penjelasan sesungguhnya kerajaan menyedari kesesuaian syariah Islam untuk diguna pakai dalam semua zaman, tempat dan juga keadaan. Secara asasnya kanun jenayah syariah terbahagi kepada tiga iaitu ialah yang berkaitan dengan hudud, kisas dan juga takzir. Ia bertujuan untuk menjaga prinsip perundangan Islam iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta benda. Mengenai hudud dari segi istilah ditakrifkan sebagai keseksaan yang telah ditetapkan oleh nas-nas alQuran dan juga As-sunah yang wajib dilaksanakan sebagai hak Allah SWT. Kadar hukumannya tidak boleh dipinda sama ada dikurangkan ataupun juga ditambah. Jenis-jenis jenayah hudud ialah seperti zina, kazaf, minum arak, mencuri, merompak dan juga murtad. Dalam konteks ini kerajaan sentiasa daripada masa ke semasa berusaha memartabatkan perundangan Islam di samping yang sama usaha bagi mengharmonikan undang-undang sedia ada supaya selaras dengan maqosid syariah."*

*"Dalam perkembangan terkini kerajaan telah selesai meneliti cadangan pindaan untuk meningkatkan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah melalui pindaan kepada Akta 355 tersebut. Menerusi pindaan yang dicadangkan, had bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk menjatuhkan hukuman akan diperluaskan dan dipertingkatkan sesuai dengan maqosid syariah."*

Bertitik tolak daripada kedua-dua peristiwa tersebut, ia menampakkan terdapat peluang kerjasama yang cerah yang boleh dilakukan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam merealisasikan usaha pelaksanaan

enakmen ini. Justeru, usaha-usaha bagi melaksanakan enakmen tersebut digerakkan semula.

Usaha pertama yang dilakukan adalah penubuhan Jawatankuasa Pra-Teknikal dan Jawatankuasa Teknikal Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) Negeri Kelantan. Jawatankuasa Pra-Teknikal yang dipengerusikan oleh Dato' Dr Fadzli bin Hassan memberi penumpuan kepada tiga aspek utama iaitu mengatasi halangan perundangan, menjelaskan kekeliruan yang timbul dan mengemaskini struktur mahkamah Negeri Kelantan sedia ada (Mohamed Fadzli, 2015). Pada tahun 2014 pula, Jawatankuasa Teknikal Enakmen Jenayah Syariah (II) 1993 telah dibentuk. Fokus jawatankuasa ini adalah bagi merangka dasar dan pelan strategik pelaksanaan enakmen ini di Kelantan (Nasran et. al, 2015).

Selain itu, menyedari kekangan utama kepada pelaksanaan enakmen yang lepas adalah kekangan perundangan dan terdapat keperluan untuk mewujudkan kerjasama di peringkat negeri dan Persekutuan, akhirnya bermulalah penubuhan Jawatankuasa Teknikal Hudud Nasional. Jawatankuasa Teknikal ini dianggotai oleh pakar-pakar daripada pelbagai latar belakang seperti berikut:

- i. Ybhg Tan Sri Ghazali Bin Abd Rahman (Penasihat Perundangan Syariah, Jabatan Peguam Negara)
- ii. Ybhg Tuan Hj Mohammad Nordin Bin Ibrahim, (Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) JAKIM)
- iii. Ybhg Dato' Sulaiman Bin Daud (Mantan Hakim Mahkamah Rayuan)
- iv. YA Dato' Yusof Bin Musa (Hakim Mahkamah Rayuan Syariah)
- v. Ybg Dato' Mahammad Naser Bin Desa (Ketua Pegawai Eksekutif IKSIM)
- vi. Prof. Madya Dr Shamrahayu Binti A. Aziz, Felo Utama IKIM
- vii. Tuan Muhammad Bukhari Bin Abd Hamid (Penasihat Undang-undang JAKIM)
- viii. Tuan Zawawi Bin Ghazali (Peguam Kanan Persekutuan Jabatan Peguam Negara)

Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh beberapa wakil daripada Kerajaan Negeri Kelantan iaitu:

- i. Dato' Aria Diraja Hj Daud Bin Muhammad (Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syarie Negeri Kelantan),
- ii. Dr Mohd Azhar Bin Abdullah (Timb. Ketua Eksekutif KIAS)
- iii. Dr Zulqarnain Bin Lukman (Peguam Bela dan Peguam Syarie)
- iv. Ybhg Encik Hisyam Bin Fauzi (Peguam Bela dan Peguam Syarie)

- v. Encik Ahmad Termizi Bin Abdullah (Peguam Bela dan Peguam Syarie)
- vi. Encik Nik Baharum Bin Nik Abdullah (Peguam Bela dan Peguam Syarie)

Selain itu, dua wakil daripada agensi berkepentingan seperti Jabatan Polis Diraja Malaysia dan Penjara juga diserap ke dalam jawatankuasa ini. Penglibatan individu daripada pelbagai latar belakang ini menunjukkan usaha untuk memartabatkan undang-undang ini bukan sahaja merupakan impian Kerajaan Negeri Kelantan tetapi ia didokong oleh pelbagai individu daripada pelbagai latar belakang yang bercita-cita memartabatkan perundangan jenayah Islam di Malaysia. Antara perkara yang dilakukan oleh Jawatankuasa Teknikal ini adalah membina road map bagi melaksanakan enakmen ini. Walaubagaimanapun, jawatankuasa ini hanyalah bersifat memandu dan keputusannya tidak mengikat mana-mana pihak.

Dari sudut persediaan bagi melaksanakan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 terdapat beberapa perkara telah dilakukan. Antaranya adalah:

- i. Penambahbaikan terhadap Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Antara perkara yang dilakukan adalah penyusunan seksyen yang lebih kemas dan teratur, penambahan seksyen baharu, pemansuhan seksyen dan pengemaskinian dari sudut susun atur ayat. Enakmen ini dinamakan sebagai Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015).
- ii. Semakan semula terhadap enakmen berkaitan seperti Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah dan sebahagiannya telah diluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri.
- iii. Penggubalan kaedah-kaedah bagi pelaksanaan hukuman potong anggota badan, rejam dan lain-lain hukuman.
- iv. Pelantikan hakim-hakim yang kompeten bagi mengendalikan kes-kes berkaitan hudud dan qisas.
- v. Pemisahan antara Bahagian Pendakwaan dan Jabatan Hal Ehwal Agama bagi menjamin keadilan Mahkamah Syariah.
- vi. Bengkel bersama Jabatan Penjara Malaysia, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak hospital
- vii. Lawatan ke negara-negara yang melaksanakan undang-undang hudud.

Setelah enakmen yang lama disemak dan ditambah baik, enakmen edisi pindaan ini dinamakan sebagai Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015). Enakmen edisi pindaan ini melalui beberapa tapisan yang ketat sebelum dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Enakmen ini telah melalui tiga peringkat tapisan iaitu pertama, ia disemak oleh Jawatankuasa

Pindaan, Sekretariat dan Teknikal. Pada peringkat kedua, ia disemak oleh Jamaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang dipengerusikan oleh SS Dato' Muhammad Syukri bin Muhammad, Mufti Kerajaan Negeri Kelantan. Pada peringkat terakhir, enakmen ini disemak oleh Penasihat Undang-undang Negeri Kelantan, YB Shahidani bin Abdul Aziz sebelum ia dicetak dan dibentangkan di Sidang Dewan Undangan Negeri.

Akhirnya, pada 19 Mac 2015, Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (2015) ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri oleh YAB Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad bin Yakob. Enakmen ini diluluskan sebulat suara oleh kesemua 44 anggota dewan; 31 anggota dewan daripada PAS, seorang daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR-Guchil) Mohamad Roslan Puteh dan 12 anggota dewan daripada Barisan Nasional (BN). Walaupun enakmen ini telah diluluskan di peringkat negeri, ia masih menghadapi kekangan perundangan yang sama seperti Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993. Maka, usaha bagi mengatasi masalah perundangan ini perlu dilakukan. Setelah melalui beberapa proses perbincangan dan perundingan, maka, PAS telah bersepakat untuk membawa usul persendirian ke Parlimen. Berikut merupakan kronologi pembentangan usul pindaan RUU 355 di Dewan Rakyat:

### **3. ANALISIS PELAKSANAAN ENAKMEN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) [1993] DAN KANUN JENAYAH SYARIAH (II) [1993] 2015**

Proses penggubalan kedua-dua enakmen yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini, telah melalui satu proses yang dinamakan sebagai *taqnin* atau kodifikasi undang-undang. *Taqnin* merupakan perkara yang telah wujud asasnya ketika zaman khilafah Abbasiyah. Ketika itu, Ibnu Muqaffa' mencadangkan kepada Khalifah Abu Jaafar al-Mansur agar dilakukan penyeragaman hukum dalam bentuk undang-undang. Maka, khalifah mengemukakan cadangan ini kepada Imam Malik bagi menjadikan Al-Muwatta' sebagai kod undang-undang pada zaman tersebut. Seterusnya, usaha kodifikasi dalam bentuk yang lebih moden boleh dilihat pada Majallah Al-Ahkam Al-Adliyyah.

Dalam konteks penggubalan undang-undang Islam di Malaysia, menurut Prof. Madya Dr Ruzman Md Noor (2019), proses *taqnin* ini perlu mengambil kira dua aspek utama iaitu apakah metodologi yang paling tepat merujuk kepada Usul Fiqh dan apakah pendekatan yang terbaik dengan merujuk kepada bidang kuasa masa kini dan perancangan masa depan melibatkan perubahan teknikal atau reformasi menyeluruh. Kedua-dua aspek ini penting bagi memastikan ketulenan Hukum Syarak tidak terjejas dan pada masa yang

sama undang-undang berkenaan boleh beroperasi dan praktikal. Pada masa yang sama juga matlamat keadilan Islam iaitu keadilan dapat dicapai.

Jika diamati kedua-dua enakmen yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini, ia menepati aspek yang pertama tetapi kurang memberi perhatian kepada aspek yang kedua. Bagi aspek yang pertama, kedua-dua enakmen ini telah digubal berdasarkan pandangan-pandangan mu'tabar daripada ulama empat mazhab. Selain itu, enakmen ini juga telah disemak dan ditapis oleh jawatankuasa dan badan yang berautoriti di beberapa peringkat. Walaubagaimanapun pendekatan memperkenalkan enakmen yang mengandungi ketiga-tiga jenis jenayah iaitu hudud, qisas dan ta'zir di dalam satu enakmen menyebabkan ia sukar dilaksanakan di dalam kerangka perundangan Malaysia yang meletakkan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi negara (Shamrahayu 2007; 2017a; 2017b; Abdul Hamid, 2015a, 2015b).

Mengulas isu perundangan yang terdapat pada Kanun Jenayah Syariah (II) [1993] 2015, Tuan Abdul Hamid (2015) menegaskan sepatutnya Kerajaan Negeri Kelantan mengambil pengajaran daripada perkara yang telah pun berlaku pada tahun 1993. Isu berkaitan konflik bidang kuasa Persekutuan dan Negeri dan isu bidang kuasa mahkamah Syariah ini perlulah diselesaikan dahulu sebelum ia dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan. Beliau berkata,

*“Pada 18 Mac, Rang Undang-Undang ini dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan telah diluluskan. Melihat isi kandungannya, semua masalah yang saya sebut mengenai Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 (Kelantan) masih wujud. Nampaknya, strategi Kerajaan Negeri Kelantan ialah membuat undang-undang itu dahulu. Kemudian baru ia akan mendapatkan kebenaran Parlimen di bawah Perkara 76A(1). Soalnya, bolehkah sebelum mendapat kebenaran Parlimen, Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang itu? Pada pandangan saya, tidak. Pada tarikh Badan Perundangan Negeri membuat undang-undang itu, ia tidak mempunyai bidangkuasa membuatnya. Bagaimana ia hendak membuatnya? Hanya apabila Parlimen memberi kebenaran, barulah Badan Perundangan Negeri mempunyai bidangkuasa membuatnya”*

Berkaitan pindaan pada Kanun Jenayah Syariah (II) [1993] 2015, berikut merupakan pindaan yang telah dilakukan:

- i. Pemansuhan seksyen 56 (2) berkaitan pemakaian enakmen ini terhadap *non-muslim*. Di dalam enakmen yang diluluskan pada tahun 1993, *non-muslim* diberi pilihan untuk menggunakan enakmen ini. Peruntukan ini telah dimansuhkan dan ini bermakna *non-muslim* tidak



lagi diberi pilihan dan enakmen ini hanya tertakluk pemakaiannya terhadap orang Islam sahaja.

- ii. Pemansuhan seksyen 19, 20 dan 21 iaitu pemansuhan berkaitan musahaqah, kesalahan *ityan al bahimah* dan *ityan almaitah*
- iii. Pemansuhan seksyen 46 (2) berkaitan wanita yang hamil tanpa suami dan melahirkan anak tidak dikira sebagai bukti untuk disabitkan kesalahan zina. Enakmen yang terdahulu mengambil pandangan ulama' Maliki yang mengiktiraf hamil sebagai salah satu bukti bagi pensabitan kesalahan hudud. Manakala, pandangan majoriti ulama' adalah hamil tidak boleh dijadikan sebagai bukti bagi pensabitan kesalahan zina. Walaubagaimanapun, selepas melalui beberapa sesi muzakarah, seksyen ini dimansuhkan.
- iv. Penambahan seksyen berkaitan kesalahan suami meliwat isteri. Di dalam enakmen sebelum ini tiada peruntukan berkaitan kesalahan ini. Penambahan seksyen ini barangkali diwujudkan berdasarkan keperluan semasa.

Walaubagaimanapun, pindaan yang dilakukan pada tahun 2015 ini disifatkan sebagai tidak komprehensif kerana masih terdapat banyak ruang penambahbaikan. Malah, pindaan ini tidak menyelesaikan isu perundangan yang wujud di dalam enakmen sebelumnya. Umumnya ramai tidak mengetahui, terdapat 81 pindaan yang berbentuk teknikal mahupun kandungan yang dikemukakan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Cadangan Pindaan/Penambahan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 pada 7 Ogos 2014. Antara intipati utama cadangan pindaan tersebut adalah:

- i. Penilaian semula kadar nisab berasaskan tahap sosial, ekonomi, taraf hidup dan pendapatan isi rumah.
- ii. Pemurnian beberapa definisi di dalam enakmen seperti definisi harta tak alih, definisi kesalahan hirabah dan sariqah.
- iii. Cadangan umur mukallaf ditingkatkan kepada 21 tahun berbanding 18 tahun
- iv. Penilaian bentuk hukuman bagi beberapa kesalahan seperti kesalahan sariqah dan zina bagi kategori muhsan. Cadangan ini mengambil kira kritikan yang diterima oleh enakmen sebelum ini.

Berdasarkan laporan minit mesyuarat, sebahagian kecil sahaja cadangan pindaan tersebut diterima dan sebahagian besarnya ditolak. Sikap Jawatankuasa yang bersifat tidak reseptif terhadap cadangan penambahbaikan juga perlu kepada muhasabah. Mengulas tentang isu ini,

Mufti Taqi Usmani menyebutkan bahawa sememangnya hudud itu merupakan undang-undang daripada Allah. Walaubagaimanapun, apabila ia melalui proses kodifikasi yang dilakukan oleh manusia, maka ia terbuka kepada kekurangan dan kelemahan. Maka kritikan bagi tujuan penambahbaikan perlulah diperhalusi dan diterima dengan menimbang konteks semasa masyarakat.

Meneliti kronologi pindaan RUU355 di Parlimen pula, kita dapat menilai kemahuan politik (*'political will'*) sesetengah pihak dalam melaksanakan usaha memartabatkan perundangan jenayah syariah ini. Apa yang lebih menyedihkan, usaha ini juga telah dijadikan modal politik oleh sesetengah pihak samada bagi meraih sokongan politik atau memecah belah undi rakyat. Pasca pilihanraya ke-15 dan kerajaan telah bersilih ganti, usaha untuk meminda RUU355 ini masih belum menampakkan sebarang hasil.

#### **4. PENILAIAN SEMULA MODEL UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM BERDASARKAN KERANGKA PERUNDANGAN MALAYSIA**

Berdasarkan perbincangan di atas, ia menunjukkan kedua-dua enakmen yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan amat sukar dilaksanakan dalam konteks kerangka perundangan Malaysia. Menyedari kekangan perundangan di dalam kedua-dua enakmen yang digubal, antara persoalan yang boleh dibincangkan secara bersama adalah, adakah enakmen ini adalah model *taqnin* terbaik dalam memperkenalkan undang-undang jenayah Islam berdasarkan realiti perundangan Malaysia? Atau terdapat alternatif atau model lain bagi membolehkan kesemua atau sebahagian undang-undang jenayah Islam dilaksanakan?

Berikut merupakan perkara dan prinsip yang perlu diberi perhatian dalam memperkenalkan undang-undang jenayah Islam di Malaysia:

##### **4.1 *Memahami aspek al-thabat dan al-mutaghayyirat di dalam undang-undang jenayah Islam***

Secara asasnya, hukum bagi melaksanakan hukuman hudud adalah wajib dan hukum ini kekal sepanjang zaman. Manakala dari sudut strategi pelaksanaannya, ia boleh berubah-ubah mengikut perubahan zaman dan tempat. Ini bermakna jika hukuman hudud, qisas dan diyat ini dilaksanakan di dalam *penal code* mahupun di dalam Enakmen Jenayah Syariah negeri sedia ada tanpa menamakan undang-undang itu sebagai hudud, qisas dan diyat, tuntutan dan tanggungjawab itu telah pun terlaksana. Sebagai contoh, bagi kesalahan had *al-bughah* di Malaysia, *Penal Code*, Seksyen 121: Kesalahan

melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong telah memperuntukkan hukuman bunuh bagi pemberontak. Hukuman ini bertepatan dengan hukuman yang digariskan oleh syarak.

#### 4.2 *Prinsip tadarruj dalam memperkenalkan undang-undang Islam*

Antara prinsip yang boleh diamati dalam usaha memartabatkan perundangan jenayah Islam di Malaysia adalah prinsip tadarruj dalam memperkenalkan undang-undang Islam. Prinsip ini telah dibahas oleh Dr Fathi Tayyib Al-Khumasi (2001). Malah, prinsip ini mempunyai asas sejarah di dalam konteks Tanah Melayu. Apabila Islam masuk ke Tanah Melayu, undang-undang Islam tidak diperkenalkan secara total tetapi melalui proses asimilasi secara beransur-ansur dengan undang-undang yang bercampur dengan adat. Undang-undang jenayah Islam juga tidak diperkenalkan secara berasingan tetapi dimasukkan bersekali dengan undang-undang adat Melayu. Sebagai contoh, kaedah taqin bagi Hukum Kanun Melaka adalah menerima pakai pandangan Mazhab Al-Syafi'i yang dinukil dari Kitab Fath al-Qarib dan digabungkan dengan undang-undang melayu adat Temenggong (Ruzman, 2019).

#### 4.3 *Memahami fiqh al-waqi'*

Antara perkara terpenting bagi seorang mufti dan mujtahid dalam mengeluarkan sesuatu hukum adalah memahami *fiqh al-waqi'*. Dalam konteks perbincangan memartabatkan perundangan jenayah Islam di Malaysia, perkara utama yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan *fiqh al-waqi'* adalah memahami Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Ini bukanlah bermakna, kita perlu tunduk dan mengikut sahaja peraturan dan undang-undang yang ada. Perlembagaan ini boleh diubah dan dipinda mengikut prosedur yang digariskan. Tetapi melihat kepada bacaan politik semasa, pindaan bagi membolehkan kesemua undang-undang jenayah Islam dilaksanakan amat sukar. Maka, buat masa ini, ia memerlukan kebijaksanaan agar perundangan jenayah Islam dapat dilaksanakan dengan kapasiti perundangan yang ada kemudian secara beransur-ansur ia ditingkatkan selaras dengan meningkatnya kefahaman masyarakat terhadap keadilan perundangan jenayah Islam. Oleh yang demikian, buat masa ini, sebarang undang-undang jenayah Islam yang ingin diperkenalkan, perlu menghormati batas kuasa yang digariskan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai I dan Senarai II dan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965.

## 5. PENDEKATAN HARMONISASI DI DALAM MEMPERKENALKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DI MALAYSIA

Berdasarkan prinsip-prinsip yang dibincangkan di atas, antara pendekatan yang boleh digunakan bagi memperkenalkan undang-undang jenayah Islam di Malaysia khususnya bagi kesalahan hudud adalah melalui pendekatan harmonisasi. Dari sudut definisi, harmonisasi berasal daripada bahasa Inggeris “harmonisation” yang merujuk kepada maksud “penyesuaian” dan “penerimaan” dari dua perkara yang berbeza. Ia juga membawa maksud penyelarasan. Dengan perkataan lain, harmonisasi boleh disifatkan sebagai mengambil satu ketetapan dari beberapa perkara yang berbeza dan menjadikannya sebagai penyelesaian.

Antara pelopor awal bagi pendekatan ini ialah Abd Razak Sanhuri. Beliau merupakan individu penting yang memperkenalkan proses integrasi di antara undang-undang sivil dengan undang-undang Syariah di Mesir. Hasilnya, undang-undang sivil Mesir yang sebelum ini banyak dipengaruhi oleh undang-undang Perancis semakin harmoni dan dekat dengan ruh perundangan Islam (Abdul Hamid, 2009). Dalam konteks di Malaysia, idea harmonisasi ini mula diperkenalkan oleh Jawatankuasa ‘Islamisation of Knowledge’, Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2002 dan kemudiannya diperincikan dengan lebih mendalam oleh Dr Hashim Kamali (2003 & 2007).

Secara asasnya pendekatan harmonisasi ini adalah menggabung, mengolah dan menyesuaikan dua undang-undang iaitu undang-undang sivil dan syarak yang bertembung dengan membuat pindaan supaya ia dapat diterima pakai dengan baik. Peruntukan dalam undang-undang sivil yang bercanggah dengan undang-undang Islam dimansuhkan atau dibuat pindaan agar selari dengan kehendak Syariah. Begitu juga, peruntukan dalam undang-undang sivil yang tidak bercanggah dengan undang-undang Syariah dimasukkan dalam akta/enakmen undang-undang Islam. Hasilnya, peruntukan undang-undang sivil tidak dibuang secara total selagi ia mematuhi prinsip dan selari dengan kehendak Syariah (Mohamed Azam 2018). Ini bermakna, pendekatan ini tidak memperkenalkan undang-undang yang baharu tetapi meminda undang-undang sedia ada samada sivil ataupun syariah agar ia selaras dengan kehendak syarak.

Dari sudut mengaplikasikan pendekatan ini di dalam mengharmonisasikan undang-undang sivil dan syariah di Malaysia, Tun Abdul Hamid telah menggariskan beberapa panduan iaitu:

- i. Proses harmonisasi ini mesti menghormati kedudukan Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang-undang tertinggi negara. Ini termasuklah menghormati Senarai I dan Senarai II yang memperuntukkan bidang kuasa Persekutuan dan Negeri.
- ii. Proses ini bermula dengan mengenal pasti ruang konflik yang wujud di dalam undang-undang sedia ada.
- iii. Mengutamakan dan memulakan proses harmonisasi dengan perkara-perkara yang kurang kontroversi.

Berdasarkan perbincangan di atas, antara langkah-langkah bagi mengaplikasikan pendekatan harmonisasi bagi memperkenalkan kesalahan hudud di Malaysia adalah seperti berikut:

i. ***Mengenalpasti bidang kuasa berkaitan jenayah di dalam Perlembagaan Persekutuan***

Secara amnya, bidang kuasa berkaitan jenayah adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan. Perkara ini disebut di dalam Jadual Kesembilan, Senarai I butiran 4 iaitu “undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran dan keadilan”. Walaubagaimanapun, negeri mempunyai kuasa menggubal undang-undang berkaitan kesalahan agama syarat kesalahan tersebut tidak terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Perkara ini disebut di dalam Senarai II, butiran 1 berkaitan hal ehwal agama Islam.

ii. ***Mengenalpasti konflik atau pertindanan di antara undang-undang syariah atau sivil.***

Daripada kedua-dua enakmen yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan ini, dapat dikenalpasti bahawa terdapat dua kesalahan hudud yang merupakan kesalahan yang terletak dibawah bidang kuasa Persekutuan iaitu kesalahan sariqah dan hirabah. Manakala kesalahan seperti zina, qazaf, murtad, minum arak merupakan kesalahan yang terletak di bawah bidang kuasa negeri.

iii. ***Mendahulukan perubahan pada kesalahan-kesalahan yang terdapat dibawah bidang kuasa negeri terlebih dahulu.***

Pada peringkat permulaan, usaha menyelaraskan undang-undang sedia ada agar ia selaras dengan syarak boleh dimulakan dengan

kesalahan-kesalahan hudud yang telah pun ada di dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri iaitu kesalahan zina, qazaf, minum arak dan murtad. Bagi membolehkan usaha ini dapat dijalankan, usaha sekarang perlu ditumpukan secara bersungguh-sungguh bagi meminda RUU 355. Usaha memberi kefahaman kepada ahli Parlimen bahawa perkara ini merupakan tanggungjawab bersama tanpa mengira wadah politik yang berbeza perlu diberi perhatian.

## **6. KESIMPULAN**

Usaha Kerajaan Negeri Kelantan bagi memartabatkan perundangan jenayah Islam di Malaysia merupakan satu usaha yang terpuji. Ia telah melalui satu proses yang panjang, menjangkau hampir 30 tahun dan telah melalui beberapa fasa kematangan. Kekangan perundangan telah dikenal pasti menjadi punca utama kepada kegagalan usaha-usaha terdahulu. Walaupun enakmen ini tidak dapat dilaksanakan, ia menjadi titik tolak pertama dan membuka ruang perbincangan intelektual bagi membolehkan perundangan jenayah Islam dimartabatkan di Malaysia.

Pada masa kini, pendekatan harmonisasi di atas dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan yang telah pun memperkenalkan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (I) 2019. Enakmen ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 14-16 Oktober 2019. Diharapkan selepas pindaan RUU355 diluluskan di peringkat Parlimen, usaha menyelaraskan Enakmen ini agar ia selaras dengan syarak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Pelaksanaan hudud secara berperingkat ini diharapkan dapat memberi ruang dan peluang kepada masyarakat untuk menilai keadilan sistem jenayah Islam dan akhirnya membuka jalan agar pelaksanaan yang lebih komprehensif dalam dilaksanakan pada masa akan datang.

## 7. RUJUKAN

- Abdul Hamid Mohamed. (2015a). Implementation Of Islamic Criminal Law in Malaysia. Seminar On Implementation of Hudud in Malaysia – History and The Future. <https://tunabdulhamid.me/2015/04/implementation-of-islamic-criminal-law-in-malaysia-en/>
- Abdul Hamid Mohamed. (2015b). Pelaksanaan Hudud: Peluang dan Cabaran. Bicara Persada.
- Abdul Hamid Mohamed. (2009). Harmonisation of Common Law and Shariah in Malaysia: A Practical Approach. Abd Al-Razzaq Sanhuri Lecture. Harvard Law School.
- Azhar Bin Abdullah. (2015). Kanun Jenayah Syariah (II) (1993) 2015: Pengenalan dan Hala Tuju (1st ed.). Percetakan Mesbah Sdn Bhd.
- Fathi Bin Al-Tayyib Al-Khummasi. (2001). Al-Dharurah Al-Marhaliyyah Fi Tatbiq Al-Qanun Al-Jinaie Al-Islamiyy (1st ed.). Dar Qutaibah.
- Fluehr-Lobban, C. (1990). Islamization in Sudan: A Critical Assessment. Middle East Journal, 44.
- Ghani, M. F. (2011). Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam. Pusat Kajian Strategik Kelantan.
- Hossein Nayyeri. (2012). New Islamic Penal Code of the Islamic Republic of Iran: An Overview (Issue March).
- Jamal Shah. (2012). Zia-Ul-Haque and the Proliferation of Religion in Pakistan. International Journal of Bussiness and Social Science, 3(21), 310–323.
- Kamali, M. H. (1995). Punishment in Islamic Law: An Enquiry into the Hudud Bill of Kelantan (Issue 1). Institute for Policy Research.
- Kamali, M. H. (1998). Punishment in Islamic Law: A Critique of the Hudud Bill of Kelantan, Malaysia. *Arabic Law Quarterly*, 13(3), 203–234.
- Lindsey, T., & Steiner, K. (2016). Islam, The Monarchy and Criminal Law in Brunei: The Syariah Penal Code Order, 2013. *Griffith Law Review*, 25(4), 552–580.

- Martin Lau. (2014). The Re-Islamisation of Legal System. In Rudolph Peters & Peri Bearman (Ed.), *The Ashgate Research Companion to Islamic Law*. Routledge
- Mayer, A. E. (1990). Reinstating Islamic Criminal Law in Libya. In *Law and Islam in the Middle East*. Bergin and Garvey.
- Mohamed Azam, Mohamed Adil (2021). Harmonisasi undang-undang elak konflik bidangkuasa. <https://bebasnews.my/2021/03/18/harmonisasi-undang-undang-elak-konflik-bidang-kuasa/>
- Mohamed Fadzli. (2015). Ke Arah Pelaksanaan Enakmen Kanun Jenayah Syariah (II) Kelantan 1993. In *Pelaksanaan Hudud di Malaysia: Satu Analisis*. Yayasan Dakwah Islam Malaysia.
- Nasran, Zuliza, Hafilah Musa, Anwar Fakri, Z. (2015). Perkembangan dan Cabaran Pelaksanaan Hudud di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Fiqh Semasa Dan Dan Perundangan Islam*, 1, 471–481.
- Reza, S. (2013). Due Process in Islamic Criminal Law. *George Washington International Law Review*, 46(1), 1–27.
- Ruzman Md Noor. (2019). Metodologi Dan Pendekatan Penggubalan Undang-Undang Islam Di Malaysia. *Persidangan ICONIMAD2019*.
- Salleh, M. S. (1999). A Comparative Analysis of Kelantan and Terengganu, Political Economy of Development in Malaysia. In *Political Economy Development in Malaysia* (pp. 177–209). Utusan Publications & Distributors.
- Shamrahayu. (2007). Islamic Criminal Law in The Malaysian Federal Structure: A Constitutional Perspective. *IIUM Law Journal*, 15(1).
- Shamrahayu. (2017). Realiti Perundangan dalam Pelaksanaan Hudud di Malaysia.
- Shamrahayu. (2017a). Pindaan Akta 355: Antara Harapan Dan Realiti. *Jurnal Seminar Kebangsaan Mahkamah Syariah, Cabaran Melestari Masa Hadapan*, 2–34.
- Sidahmed, A. S. (2001). Problems in Contemporary Applications of Islamic Criminal Sanctions: The Penalty for Adultery in Relation to Women. *British Journal of Middle Eastern Studies*, 28(2), 187–204.



Wan Nik Wan Yussof. (2011). Keadilan Asas Pelaksanaan Kanun Jenayah Syariah (II) 1993 Negeri Kelantan: Jawapan Menteri Besar Kelantan Kepada Perdana Menteri Malaysia. Urusetia Penerangan Negeri Kelantan.

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*